

Arahan: Tiap-tiap soalan atau pernyataan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Hanya terdapat satu jawapan yang betul atau paling sesuai. Pilih jawapan tersebut.

7.1 Latar Belakang Idea Negara Merdeka

- 1 Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak diketuai oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah.

Apakah yang diperjuangkan oleh pertubuhan tersebut pada tahun 1946? (BUKU TEKS m.s. 117)

- A Menentang pembentukan Melayu Raya
B Menyatukan Sarawak dengan Sabah dan Brunei
C Menentang penyerahan Sarawak kepada British
D Membantah pemerintahan di bawah Keluarga Brooke

- 2 Konsep Melayu Raya merupakan penyatuan bangsa dan dunia Melayu berdasarkan aspek persamaan daerah, kebudayaan dan bahasa yang menjadi satu rumpun yang sama, iaitu Melayu.

Pertubuhan manakah yang memperjuangkan kemerdekaan tanah air melalui konsep Melayu Raya? (BUKU TEKS m.s. 117)

- I Kesatuan Melayu Muda
II Angkatan Pemuda Insaf
III Pergerakan Pemuda Melayu
IV Parti Kebangsaan Melayu Malaya

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 3 United Malays National Organisation (UMNO) yang ditubuhkan pada tahun 1946 melaungkan slogan 'Hidup Melayu'.

Apakah perjuangan UMNO pada ketika itu? (BUKU TEKS m.s. 117)

- A Kebajikan orang Melayu
B Kemerdekaan Tanah Melayu
C Penentangan terhadap Malayan Union
D Perkembangan pendidikan orang Melayu

7.2 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

- 4 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) telah ditubuhkan pada Januari 1949.

Apakah objektif penubuhan CLC? (BUKU TEKS m.s. 114)

- I Menjamin kesejahteraan hidup
II Membetulkan keadaan politik
III Mewujudkan keharmonian masyarakat
IV Menggalakkan kemasukan pelabur asing

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 5 Tokoh berikut memainkan peranan penting dalam perkembangan sejarah negara kita.

- Dato' Onn bin Jaafar
- Tun Tan Cheng Lock
- Dato' E.E.C. Thuraisingam

Apakah sumbangan tokoh tersebut kepada negara kita? (BUKU TEKS m.s. 114 - 115)

- A Menganggotai Sistem Ahli
B Menyertai Rombongan Merdeka
C Menggubal dasar pelajaran kebangsaan
D Mewujudkan persefahaman antara kaum

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan keanggotaan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum.

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

Penasihat: Sir Malcolm MacDonald

Pengerusi: Dato' E.E.C. Thuraisingam

Ketua Wakil Melayu: Dato' Onn Ja'afar

Ketua Wakil Cina: Tun Tan Cheng Lock

Apakah peranan penting jawatankuasa tersebut? (BUKU TEKS m.s. 114 - 115)

- A Membentuk Parti Perikatan
B Membincangkan pilihan raya
C Mewujudkan perpaduan kaum
D Menggubal perlembagaan kemerdekaan

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan kompromi yang dicapai.

- Pilihan raya diperkenalkan
- Orang Melayu diberi bantuan ekonomi
- Syarat kerakyatan orang bukan Melayu dilonggarkan

Pencapaian tersebut adalah hasil perbincangan (BUKU TEKS m.s. 116 - 117)

- A Suruhanjaya Reid
B Parti Malaya Merdeka
C Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
D Majlis Tindakan Bersama Tanah Melayu

- 8 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) berusaha meningkatkan kedudukan ekonomi orang Melayu. Bagaimanakah usaha tersebut dilaksanakan? (BUKU TEKS m.s. 176 - 177)

- A Pembentukan Sistem Ahli
B Penubuhan jawatankuasa pendidikan
C Pengiktirafan kedudukan istimewa orang Melayu
D Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa

- 9 Cadangan berikut telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum.

Syarat kerakyatan dilonggarkan kepada orang bukan Melayu.

Mengapakah cadangan tersebut dikemukakan?

(BUKU TEKS m.s. 176 - 177)

- A Mengukuhkan taat setia
B Mengukuhkan pertahanan
C Mengembangkan ekonomi
D Mengimbangi komposisi kaum

7.3 Sistem Ahli

- 10 Pada tahun 1951, pihak British memperkenalkan Sistem Ahli di negara kita. Mengapakah pihak British bertindak demikian?

(BUKU TEKS m.s. 178)

- A Menggubal perlembagaan baru
B Membincangkan syarat kewarganegaraan
C Mengurangkan pengaruh golongan radikal
D Melatih penduduk tempatan berkerajaan sendiri

- 11 Idea penubuhan Sistem Ahli mula dicetuskan oleh Dato' Onn Ja'afar. Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan? (BUKU TEKS m.s. 178)

- A Membentuk kabinet bayangan
B Menyatupadukan semua kaum
C Melatih orang tempatan menerajui pentadbiran
D Menyediakan orang tempatan ke arah pilihan raya umum

- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri Sistem Ahli.

Ciri-ciri Sistem Ahli
• Satu sistem kabinet bayangan • Ahli bertanggungjawab menjaga portfolio • X

Apakah X? (BUKU TEKS m.s. 179)

- A Ahli dipilih melalui pilihan raya
B Semua Ahli terdiri daripada orang Inggeris
C Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British
D Sistem Ahli diletakkan di bawah kuasa Majlis Raja-Raja

- 13 Dalam Sistem Ahli, Dato' Onn Ja'afar dilantik sebagai Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri. Apakah tanggungjawab beliau? (BUKU TEKS m.s. 179)

- I Hal ehwal imigran
II Pendaftaran kerakyatan
III Perdagangan dan pertanian
IV Hubungan dengan negara luar
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 14 Jadual berikut menunjukkan antara anggota yang dilantik dalam Sistem Ahli.

Ahli	Portfolio
Dato' Onn Ja'afar	Hal Ehwal Dalam Negeri
Dr. Lee Tiang Keng	Kesihatan
E.E.C. Thuraisingam	Pelajaran

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan maklumat tersebut?

(BUKU TEKS m.s. 178 - 179)

- A Orang tempatan diberi kemerdekaan
B Wujudnya perpaduan kaum yang kukuh
C Kerajaan boleh dibentuk tanpa pilihan raya
D Kejayaan kerjasama kaum dalam satu parti

- 15 Sistem Ahli telah diperkenalkan pada tahun 1951.

Apakah kepentingan sistem tersebut? (BUKU TEKS m.s. 179)

- I Melicinkan pentadbiran
II Menjimatkan kos pentadbiran
III Memupuk perpaduan antara kaum
IV Melatih kepimpinan tempatan menerajui pentadbiran
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 16 Sistem Ahli dilaksanakan dari bulan April 1951 hingga bulan Jun 1955

Apakah kesan daripada pelaksanaan sistem tersebut? (BUKU TEKS m.s. 179)

- I Wujudnya perpaduan antara kaum
II Semua kaum terlibat dalam bidang ekonomi
III Pemimpin tempatan terlibat dalam pilihan raya
IV Pendedahan penduduk tempatan dalam pentadbiran negara
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7.4 Sistem Pendidikan Kebangsaan

- 17 Sekolah-sekolah berikut wujud di Tanah Melayu pada zaman penjajahan British.

- Sekolah vernakular Melayu
- Sekolah vernakular Cina
- Sekolah vernakular Tamil
- Sekolah Inggeris

Apakah kesan kewujudan sekolah-sekolah tersebut?

BUKU TEKS m.s. 110

- A Penguasaan pelbagai bahasa
- B Perpaduan kaum sukar dicapai
- C Pengurangan masalah keciciran
- D Pertambahan belanja pengurusan

- 18 Maklumat berikut merupakan cadangan laporan pelajaran.

- Sekolah rendah menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
- Sekolah menengah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Laporan pelajaran manakah mengemukakan cadangan tersebut?

BUKU TEKS m.s. 110

- A Laporan Razak
- B Laporan Barnes
- C Laporan Fenn-Wu
- D Ordinan pelajaran

- 19 Jawatankuasa Fenn-Wu telah ditubuhkan pada tahun 1951.

Apakah tugas utama jawatankuasa tersebut?

BUKU TEKS m.s. 109

- A Mengkaji pendidikan Cina
- B Mengkaji sekolah vernakular
- C Membentuk sistem pendidikan kebangsaan
- D Membentuk sistem persekolahan seragam

- 20 Maklumat berikut merupakan perkara yang terkandung di dalam laporan pelajaran.

- Dua jenis sekolah rendah diwujudkan, iaitu sekolah yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
- Bahasa Cina dan bahasa Tamil diajar sebagai bahasa ketiga di sekolah rendah sekiranya terdapat 15 orang murid dalam kumpulan yang sama
- Sekolah menengah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar

Laporan pelajaran manakah yang mengandungi perkara tersebut?

BUKU TEKS m.s. 101

- A Laporan Razak
- B Laporan Barnes
- C Laporan Fenn-Wu
- D Ordinan pelajaran

- 21 Laporan Pelajaran berikut telah diperkenalkan sebelum kemerdekaan negara.

Laporan Pelajaran	Tahun
Laporan Barnes	1951
Ordinan Pelajaran	1952
Laporan Razak	1956

Apakah tujuan laporan pelajaran tersebut diperkenalkan?

BUKU TEKS m.s. 100 - 101

- A Membentuk identiti kaum
- B Memperkaya budaya bangsa
- C Menyebarkan ideologi politik
- D Mewujudkan perpaduan antara kaum

- 22 Apakah cadangan laporan berikut tentang sistem pendidikan di Sarawak dan Sabah?

BUKU TEKS m.s. 102

Laporan Woodhead 1955

- A Mengutamakan bahasa Inggeris
- B Mendirikan sekolah pelbagai kaum
- C Pendidikan berdasarkan latar belakang etnik
- D Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar

- 23 Jawatankuasa Pelajaran dipengerusikan oleh Dato' Abdul Razak Hussein. Apakah tujuan penubuhan jawatankuasa tersebut?

BUKU TEKS m.s. 111

- I Mengkaji sekolah vernakular
 - II Mengkaji semula sistem pendidikan sedia ada
 - III Mencadangkan sistem pelajaran kebangsaan yang baharu
 - IV Mewujudkan sistem pembiayaan pendidikan yang teratur
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 24 Maklumat berikut berkaitan dengan teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan. Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.

- Sistem persekolahan yang sama bagi kanak-kanak daripada semua bangsa
- Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama
- Kandungan kurikulum yang seragam dan bercorak kebangsaan

Bagaimanakah teras tersebut memanfaatkan masyarakat negara kita?

BUKU TEKS m.s. 111

- A Membentuk semangat perpaduan
- B Mengekalkan sistem sekolah vernakular
- C Melahirkan masyarakat yang berkeyakinan
- D Meningkatkan pengetahuan sains dan teknologi

- 25 Sistem pendidikan dapat melahirkan masyarakat berbilang kaum yang bersatu padu.

Berdasarkan Laporan Razak 1956, perkara tersebut dapat dicapai dengan BUKU TEKS ms. 115

- A mengajar bahasa ibunda
- B mewajibkan pendidikan rendah
- C mengadakan sukatan pelajaran yang seragam
- D membina lebih banyak sekolah aliran Melayu

7.5 Penubuhan Parti Politik

- 26 Parti berikut telah diasaskan oleh Dato' Onn bin Jaafar pada September, 1951.

Independence of Malayan Party (IMP)

Apakah tujuan parti tersebut ditubuhkan? BUKU TEKS ms. 181

- A Menyekat pengaruh komunis
- B Mewujudkan perpaduan kaum
- C Membincangkan soal kerakyatan
- D Mempertahankan hak orang tempatan

- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan perjuangan sebuah parti politik di Tanah Melayu.

Parti ini menggunakan slogan "Merdeka dengan Darah" untuk memperjuangkan kemerdekaan.

Apakah nama parti tersebut? BUKU TEKS ms. 184

- A Angkatan Pemuda Insaf (API)
- B Pergerakan Pemuda Melayu (PPM)
- C Independence of Malayan Party (IMP)
- D Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)

- 28 Parti berikut telah diasaskan oleh Dato' Onn bin Jaafar.

- Independence of Malayan Party (IMP)
- Parti Negara

Apakah persamaan kedua-dua buah parti tersebut? BUKU TEKS ms. 181

- A Menyertai Parti Perikatan
- B Membuka keahlian kepada semua umat Islam
- C Mendukung konsep kerjasama kaum dalam satu parti
- D Mendukung kerjasama pelbagai parti dalam sebuah gabungan parti

- 29 Ilustrasi berikut menunjukkan Perlembagaan Rakyat yang menjadi perintis kerjasama politik antara kaum.



Perlembagaan Rakyat dihasilkan oleh BUKU TEKS ms. 116

- A Pakatan PUTERA-AMCJA
- B Parti Perikatan UMNO-MCA-MIC
- C Independence of Malayan Party (IMP)
- D Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)

- 30 Jadual berikut menunjukkan peristiwa penting yang berlaku pada tahun 1954.

Tahun	Peristiwa
Februari 1954	Persidangan Kebangsaan
Ogos 1954	Konvensyen Kebangsaan

Apakah perkara yang sama dituntut dalam kedua-dua persidangan tersebut? BUKU TEKS ms. 186 - 187

- A Penggabungan parti politik
- B Peningkatan taraf hidup rakyat
- C Pengembalian kedaulatan sultan
- D Pilihan raya peringkat kebangsaan